



## PRESS RELEASE

S.A. 2023/05/26\_30 (HQ)

### TNB MENINGKATKAN AKSES TENAGA MELALUI KERJASAMA RENTAS SEMPADAN DENGAN PEMAIN TENAGA UTAMA DI VIETNAM DAN LAOS UNTUK MEMACU PERALIHAN TENAGA SERANTAU

- MoU TRe-EHCMC untuk meneroka peluang teknologi penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) yang berpotensi di Vietnam
- MoU TNB REMACO-EVNNPS bagi kerjasama dalam kerja perkhidmatan berkaitan tenaga yang berpotensi di Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Thailand
- MoU TNB Genco-EDL akan meneroka pelaburan dan *off-taker* penjanaan TBB dan peluang untuk mengeksport TBB di Laos melalui Projek Integrasi Tenaga Laos-Thailand-Malaysia (LTM-PIP)

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah memeterai kerjasama strategik dengan pemain tenaga utama di Vietnam dan Laos untuk meningkatkan usaha berterusannya bagi mengukuhkan kesalinghubungan Grid Tenaga ASEAN (ASEAN Power Grid – APG) dan memacu aspirasi Malaysia untuk menjadi hab Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk ASEAN. Kerjasama ini adalah untuk mempercepatkan usaha penyahkarbonan serantau dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk pilihan tenaga yang lebih bersih dan mampan.

Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan portfolio TBB TNB dan mempercepatkan pengembangan anak syarikat milik penuh TNB, TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) serta bahagian bisnesnya New Energy Division (NED) TNB ke Asia Tenggara.

Kerjasama strategik ini direalisasikan melalui pemeteraian tiga Memorandum Persefahaman (MoU). MoU yang ditandatangani di Vietnam adalah antara TNB Renewables Sdn Bhd (TRe) dan Saigon Gia Dinh Electric Joint Stock Company (EHCMC) serta antara TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO) dan North Power Service Joint Stock Company (EVNNPS). Pemeteraian MoU ini disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Dato' Tan Yang Thai, mempamerkan sokongan kerajaan Malaysia terhadap inisiatif ini. Begitu juga, MoU yang ditandatangani di Laos antara anak syarikat milik penuh TNB, TNB Genco dan Electricite Du Laos (EDL) disaksikan oleh Duta Besar Malaysia ke Laos, Edi Irwan Mahmud, seterusnya menekankan kepentingan kerjasama serantau ini.

Di samping pemeteraian ini, pengurusan TNB juga berpeluang bertemu dengan tokoh-tokoh penting kerajaan dan industri. Di Vietnam, pengurusan TNB bertemu dengan Menteri Perindustrian dan Perdagangan, Nguyen Hong Dian, di mana pernyataan minat (Expression of Interest – EOI) telah dikemukakan untuk menyertai projek TBB dan LNG di Vietnam. Selain itu, sebuah perbincangan yang produktif telah diadakan dengan Ketua Pegawai Eksekutif Vietnam Electricity (EVN), Tranh Dinh Nhan serta wakil EVN mengenai potensi kerjasama antara TNB dan EVN untuk menangani agenda peralihan tenaga. Lawatan ke Laos juga

melibatkan pertemuan dengan Menteri Tenaga dan Galian, Phoxay Sayasone, yang membuka peluang dialog dan kerjasama selanjutnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, "Kami amat komited dalam mempromosikan TBB dan mewujudkan masa depan yang mampan untuk Asia Tenggara. Dengan menggabungkan kekuatan dan kepakaran kami, kami akan membuka potensi TBB yang luas di Vietnam dan Laos, memacu pertumbuhan ekonomi dan peralihan tenaga yang lebih luas."

MoU TRe-EHCMC adalah untuk meneroka peluang teknologi penjanaan TBB yang berpotensi di Vietnam, manakala MoU TNB REMACO-EVNNPS adalah untuk kolaborasi dan kerjasama bagi kerja-kerja perkhidmatan berkaitan tenaga yang berpotensi di Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Thailand.

Baharin berkata, "Melalui MoU antara TRe dan EHCMC, kami berharap dapat memanfaatkan gabungan kekuatan dan kepakaran yang boleh membuka potensi TBB yang luas di Vietnam. Dalam kerjasama TNB REMACO-EVNNPS, TNB menawarkan perkhidmatan berharga seperti O&M dan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik pulih (MRO).

Melalui kerjasama dengan EDL, beliau berkata TNB berharap untuk mengukuhkan kerjasama dengan meneroka peluang pelaburan dalam TBB serta meneroka peluang *off-take* melalui Projek Integrasi Tenaga Laos-Thailand-Malaysia (LTM-PIP).

"TNB bersedia untuk menjadi rakan strategik Laos, memupuk pertumbuhan dan merealisasikan aspirasi Laos sebagai 'Bateri Asia Tenggara'. Ini juga selaras dengan komitmen TNB untuk mempercepatkan pelan Peralihan Tenaga demi mencapai karbon sifar bersih menjelang 2050. Saya yakin MoU ini akan memudahkan bidang lain untuk berkerjasama serta mencapai kejayaan bersama. Kami berterima kasih kepada EDL atas peluang yang menarik ini."

TNB, dalam empat inisiatifnya untuk mempercepat agenda kemampanan Kumpulan, meneruskan pelaburan besarnya dalam Grid Masa Hadapan; mempercepatkan penyahkarbonan untuk meningkatkan nilai perusahaan, TNB Genco; memperluaskan fokus pasaran untuk mengembangkan portfolio TBB; dan memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem kenderaan elektrik.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Mei 2023, jam 5:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Pengarah Urusan TNB Renewables Sdn Bhd (TRe), Mohd Yusrizal Mohd Yusof (dua kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pengarah Saigon Gia Dinh Electric Joint Stock Company (EHCMC), Nguyen Hong Tuyen (dua kanan) selepas menandatangani MOU untuk meneroka potensi TBB & peluang teknologi penjanaan tenaga di Hanoi, Vietnam pada 23 Mei 2023.

Turut hadir, Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Dato' Tan Yang Thai (tiga kanan), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga kiri), Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti (kiri sekali) dan Ahli Lembaga Pengarah EHCMC, Le Thi Kim Ngan (kanan sekali).



Pengarah Urusan TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (TNB REMACO), Muhamad Nazri Pazil (dua kiri) bertukar dokumen dengan Ketua Pengarah North Power Service Joint Stock Company (EVNNPS), Nguyen Dac Son (dua kanan) selepas menandatangani MOU untuk meneroka keterlibatan, kolaborasi dan kerjasama untuk kerja-kerja berpotensi di Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Thailand di Hanoi pada 23 Mei 2023.

Turut hadir, Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Dato' Tan Yang Thai (tiga kanan), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga kiri), Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti (kiri sekali) dan Timbalan Ketua Pengarah EVNNPS, Le Trung Thang (kanan sekali).





TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) dan Electricite du Laos (EDL) akan meneroka pelaburan dan *off-taker* pejanaan TBB serta peluang untuk mengeksport TBB di Laos melalui Projek Integrasi Tenaga Laos-Thailand-Malaysia (LTM-PIP).

Turut hadir, Duta Besar Malaysia ke Laos, Edi Irwan Mahmud (empat kiri), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga kiri), Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti (kiri sekali), Pengarah Urusan EDL, Chantaboun Soukaloun (tiga kanan), Pengarah Urusan Asia Pacific Business Link, Datuk Wira Ts. Azmi Said (dua kanan).